

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Ras Adiba Binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menyokong Badan Bukan Kerajaan atau pusat yang menyediakan perkhidmatan sokongan dan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU berikutan terkesan akibat pandemik COVID-19 dan kekurangan dana sumbangan masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetap menyalurkan bantuan kewangan kepada 565 buah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti yang menjalankan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada anak-anak OKU di lokaliti masing-masing, walaupun pengoperasian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti tidak dijalankan sepanjang tempoh pematuhan PKPB tersebut. Kerajaan sedar akan keperluan bantuan kewangan bagi Pertubuhan PDK untuk membayar kos operasi, sewaan premis, bil utiliti dan juga pembayaran sugu hati petugas dan pelatih PDK.

Jumlah penyaluran bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada **565** buah Pertubuhan PDK sepanjang tahun 2020 ini berjumlah **RM85.6 juta** yang memberi manfaat kepada **19,304** orang pelatih dan **3,372** orang penyelia dan petugas PDK, termasuklah pembayaran bantuan kewangan khas kepada penyelia/ petugas dan pelatih PDK.

Sebagai menghargai komitmen dan kesungguhan penyelia dan petugas PDK, dalam Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju bahawa kadar sugu hati petugas Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dinaikkan daripada RM800 kepada RM1,200 dan kadar sugu hati Penyelia PDK dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Kenaikan ini akan memberi manfaat kepada 3,372 petugas dan penyelia PDK sekaligus menyumbang kepada pemantapan pelaksanaan program pemulihan kepada kanak-kanak OKU.

Kerajaan juga sedar bahawa, Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) merupakan sebahagian daripada rakan strategik yang saling melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat (PRIHATIN), Kerajaan telah bersetuju untuk menyalurkan bantuan makanan dan penjagaan kesihatan kepada **65** buah PSK OKU dengan melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.94 juta**.

## SOALAN NO. : 2

Melalui pemberian bantuan ini, ianya telah memberi manfaat kepada **3,758** orang penghuni yang berada di bawah jagaan dan perlindungan PSK.

Justeru, pemberian bantuan ini merupakan inisiatif dan keprihatinan Kerajaan dalam membantu PSK yang terkesan semasa tempoh PKP yang lalu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani masalah eksploitasi kanak-kanak, wanita dan warga emas sebagai peminta sedekah dan pengemis di jalanan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan sumber kewangan daripada orang awam.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap isu eksploitasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah dan pengemis di jalanan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan sumber kewangan daripada orang awam.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis dan peminta sedekah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 dan bagi eksploitasi kanak-kanak ia diambil tindakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Manakala bagi isu eksploitasi wanita dan warga emas ia adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia berdasarkan peruntukan Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007.

Sehubungan itu, KPWKM telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani masalah eksploitasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah dan pengemis. Antara langkah-langkah perlindungan dan pencegahan adalah:

- i. **Membuat pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001** dengan menambah hukuman terhadap denda dan pemenjaraan;
- ii. **Penguatkuasaan operasi secara bersepadu di lokasi strategik** seperti stesen minyak dan premis bank dengan kerjasama agensi-agensi seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, PDRM, JKM dan PBT;
- iii. **Menyediakan saluran aduan** seperti Talian Kasih 15999 atau *Whatsapp* Talian Kasih 019-26 15999;
- iv. **Menyediakan perkhidmatan sokongan** seperti bantuan kewangan, kaunseling, kursus kemahiran keibubapaan, penempatan keluarga pelihara dan sebagainya; dan

- v. **Meningkatkan kesedaran kepada ibu bapa atau penjaga** akan tanggungjawab mereka untuk melawat anak yang dihantar ke pusat jagaan, rumah anak yatim atau pusat tahfiz secara berkala.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani isu pengemisan dalam kalangan wanita dan warga emas adalah:

- i. **Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual** dan serta-merta (*ad-hoc*). Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Bermula Januari 2020 sehingga kini JKM telah mengadakan **sebanyak 114 operasi bersepadu** dan **301 operasi berjadual di seluruh negara**. Sejumlah **683 operasi serta merta (*ad-hoc*)** turut dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima.
- ii. **Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan** melalui media cetak dan media elektronik bagi memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis adalah menyalahi undang-undang. **Bermula Januari 2020 sehingga kini sebanyak 37** kempen telah diadakan melalui pelbagai medium seperti pengedaran pamflet dalam program-program yang dilaksanakan atau semasa operasi pengemis, siaran media seperti televisyen, radio, majalah, akhbar dan melalui media sosial.
- iii. **JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Bagi Membanteras Pengemisan di peringkat nasional**. Jawatankuasa ini berperanan menyelaras program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan.
- iv. **JKM mewujudkan Desa Bina Diri (DBD)** bagi memulihkan pengemis supaya mereka dapat berdikari dan tidak lagi menjalankan lagi aktiviti pengemisan. Sehingga kini terdapat 4 buah DBD di seluruh Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian i-Suri dan apakah langkah yang telah diambil bagi membolehkan pelaksanaan fasa seterusnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Caruman Sukarela Insentif atau i-Suri adalah program baharu Kerajaan yang diperkenalkan khas untuk golongan wanita telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Kumpulan sasar yang layak mendaftar i-Suri adalah wanita yang memenuhi kriteria kelayakan iaitu mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan belum mencapai 60 tahun semasa pendaftaran dan berdaftar dengan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih) sehingga 30 November 2019.

Sejak mula pelaksanaan pada 15 Ogos 2018 sehingga 15 November 2020, jumlah kumulatif kumpulan sasar yang telah mendaftar i-Suri adalah seramai 154,463 ahli manakala ahli yang mencarum adalah seramai 138,687 ahli. Jumlah suri rumah yang layak di bawah sistem eKasih adalah seramai 331,365 orang.

Terdapat tiga **(3) fasa pelaksanaan i-Suri** iaitu:

- Fasa 1:** Caruman secara sukarela sebanyak RM5 sebulan atau RM60 setahun dan sebagai balasan, sumbangan berbentuk insentif khas oleh Kerajaan adalah sebanyak RM40 sebulan atau RM480 ke akaun KWSP ahli yang mencarum;
- Fasa 2:** Menyediakan jaringan sosial yang asas kepada golongan wanita dengan perluasan sumbangan Kerajaan sebanyak RM10 sebulan bagi setiap ahli yang dibayar terus kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai bayaran caruman bagi liputan keselamatan sosial. Namun, pelaksanaan Fasa 2 ini melibatkan pindahan akta di bawah PERKESO maka ia tidak dilaksanakan buat masa ini; dan
- Fasa 3:** Sumbangan suami melalui potongan 2% daripada caruman KWSP suami ke akaun KWSP isteri.



## SOALAN NO. : 16

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah usaha ke arah menguar-uarkan inisiatif i-Suri dengan mempergiatkan promosi dan hebahan inisiatif i-Suri. JPW mengedarkan brosur inisiatif i-Suri di semua program-program utama JPW selain membuka reruai pameran KWSP untuk memudahkan ahli yang terus mendaftar dan mencarum di bawah KWSP.

Selain itu, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) mengadakan kolaborasi dengan pelbagai pihak seperti KWSP (ibu pejabat dan negeri), LPPKN, Pejabat Exco Pembangunan Wanita Negeri Kedah, Parlimen/DUN dan Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (i-MITS) bagi membuat hebahan dan promosi dari semasa ke semasa. Sehingga bulan November 2020, sebanyak 66 promosi dan hebahan inisiatif i-Suri telah diadakan di seluruh Malaysia yang melibatkan rakyat umum seramai 2,756 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah individu yang telah digugurkan ditamatkan daripada senarai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tahun 2019 dan 2020, dan apakah faktor yang menyebabkan nama mereka digugurkan ditamatkan khususnya di WP Labuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion yang memberi manfaat kepada 502,250 penerima bantuan di seluruh negara sehingga Oktober 2020. Manakala penerima bantuan di Wilayah Persekutuan Labuan adalah seramai 1,010 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM2.8 juta.

Konsep pemberian bantuan kebajikan adalah berdasarkan kelayakan dan bukan hak. Setiap kelulusan bantuan akan dibuat kaji semula tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh bantuan pada setiap tahun. Proses ini bertujuan bagi menilai status kelayakan penerima yang terkini dan seterusnya menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan ataupun tidak bagi tempoh selanjutnya. Walau bagaimanapun, JKJ melaksanakan inisiatif mempermudah proses kaji semula sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kebajikan penerima bantuan terus terpelihara.

Berdasarkan statistik JKJ, penamatan bantuan bagi Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2019 adalah seramai 174 penerima manakala bagi tahun 2020 sehingga bulan Oktober seramai 102 penerima bantuan telah melepasi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan dan ditamatkan bantuan mereka.

Faktor-faktor yang menyebabkan penamatan bantuan adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Faktor-Faktor Penamatan</b>	<b>Tahun 2019</b>	<b>Tahun 2020</b>
1.	Meninggal Dunia	23	23
2.	Berpindah Ke Luar Daerah/Negeri	15	8
3.	Telah Mampu Berdikari	33	14
4.	Tidak Layak (Pendapatan Isi Rumah Melempi Kelayakan)	37	25
5.	Lain-Lain - Menerima Bantuan Lain (Perkeso, Pencen, Insurans, zakat, dan lain-lain)	66	32

<b>Bil</b>	<b>Faktor-Faktor Penamatan</b>	<b>Tahun 2019</b>	<b>Tahun 2020</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mempunyai harta dan pendapatan lain (sewa tanah, sewa rumah, hasil ladang</li><li>- Gagal ditemui</li></ul> Berubah Status (Berkahwin)		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>174</b>	<b>102</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status kenaikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan miskin dan OKU kepada RM1000 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Berdasarkan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang telah diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020, sebanyak lima (5) skim bantuan kewangan persekutuan bagi menjaga kebajikan golongan rentan terutamanya golongan warga emas, pesakit kronik dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga keluarga miskin terutama golongan keluarga dari kumpulan B40 akan dinaikkan seperti berikut:

1. Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seorang;
2. Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
3. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan seorang;
4. Kadar bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 sebulan seorang; dan
5. Kadar Bantuan Kanak-Kanak (BKK) untuk keluarga miskin dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dan RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.

## SOALAN NO. : 85

Kenaikan kadar bantuan ini akan bermula pada bulan Januari 2021 dan akan memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima bantuan. Kenaikan kadar ini turut melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion iaitu tambahan peruntukan sebanyak RM700 juta.

Konsep pelaksanaan kenaikan kadar bantuan JKM ini adalah lebih memberi fokus kepada keperluan isi rumah dan merujuk kepada penggabungan bantuan mengikut keperluan sesebuah isi rumah yang mempunyai pelbagai kategori seperti Warga Emas, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal yang mempunyai anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun serta pesakit kronik terlantar.

Sekiranya sesebuah isi rumah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan, jumlah bantuan yang diterima oleh isi rumah berkenaan adalah melebihi RM1,000.00 sebulan. Contohnya sekiranya dalam sesebuah isi rumah itu terdapat seorang Warga Emas, seorang OKU yang tidak bekerja dan ibu tunggal yang mempunyai 4 orang anak yang berumur bawah 18 tahun serta seorang pesakit kronik terlantar, jumlah bantuan yang diterima adalah antara RM1,900 sebulan.